

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HGM 330 – Pemikiran Geografi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

...2/-

1. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana pemikiran geografi bersifat ruangan membantu pelaksanaan projek-projek pembangunan dan penyelesaian masalah sosio-ekonomi dan politik.

[25 markah]
2. Bincangkan bagaimana falsafah pembangunan mapan dapat dipraktikkan dalam pelan pembangunan sosio-ekonomi, penggunaan sumber dan alam sekitar di Malaysia.

[25 markah]
3. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan LIMA sub-bidang dalam disiplin geografi.

[25 markah]
4. Bincangkan persamaan dan perbezaan pandangan ahli-ahli geografi humanistik iaitu Edward Relph, Yi Fu Tuan, Anne Buttimer dan David Ley tentang makna ruang dan tempat dalam kajian geografi.

[25 markah]
5. Masyarakat dan ruangan berkait secara dialektik di mana setiap satunya saling membentuk antara satu sama lain dalam satu saling-hubungan yang kompleks dan berubah-ubah (Soja 1980). Bincangkan kaedah dialektik yang digunakan dalam geografi radikal untuk menjelaskan hubungan sistem pengeluaran dan struktur sosial yang tidak seimbang.

[25 markah]
6. Menurut Rose (1993) dominasi lelaki dalam disiplin geografi telah menyebabkan disiplin ini dikatakan satu subjek berkedudukan maskulin. Bincangkan pernyataan ini dengan memberi perhatian kepada sumbangan ahli-ahli geografi feminis dalam memperkayakan disiplin geografi.

[25 markah]
7. Bincangkan bagaimana aliran pemikiran dalam falsafah pembangunan di Malaysia dari tahun 1970 sehingga kini telah memberi kesan kepada geografi ruang, masyarakat dan persekitaran.

[25 markah]